



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

SABTU, 23 MAC 2024

LAPORAN HARIAN





UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

23/3/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	VIDEO TULAR ASKAR PUKUL ISTERI: KERTAS SIASATAN MASIH DI BUKIT AMAN - POLIS	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/03/1226824/video-tular-askar-pukul-isteri-kertas-siasatan-masih-di-bukit-aman-polis	BHARIAN.COM.MY
	https://malaysiagazette.com/2024/03/22/anggota-tentera-sepak-isteri-sudah-ditahan-polis/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://www.kosmo.com.my/2024/03/22/askar-pukul-tendang-bini-telah-ditahan-kes-disember-lalu/	KOSMO.COM.MY
	https://utusanv.com/2024/03/22/tentera-pukul-isteri-berlaku-pada-dis-2023-pasangan-dalam-proses-cerai-kata-polis/	UTUSANTV.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
2	1,069 KES PENDERAAN KANAK-KANAK DIREKODKAN	
	https://www.wilayahku.com.my/1069-kes-penderaan-kanak-kanak-direkodkan/	WILAYAHKU.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	JANGAN TINGGALKAN ANAK LAMA DALAM KERETA DENGAN ENJIN HIDUP, PINTU DAN TINGKAP TERTUTUP: ROSEY	
	https://www.utusanborneo.com.my/2024/03/22/jangan-tinggalkan-anak-lama-dalam-kereta-dengan-enjin-hidup-pintu-dan-tingkap-tertutup	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	357 PENERIMA BANTUAN BULANAN KEBAJIKAN BERAGAMA ISLAM DI SARIKEI TERIMA SUMBANGAN SEJAMBAK KASIH	
	https://www.utusanborneo.com.my/2024/03/22/357-penerima-bantuan-bulanan-kebaikan-beragama-islam-di-sarikei-terima-sumbangan	UTUSANBORNEO.COM.MY
	https://www.tvsarawak.my/2024/03/22/peruntukan-rm520521-bantu-sedia-kemudahan-oku-di-ppdk-sarikei/	TVSARAWAK.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



MALAYSIA
MADANI

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

23/3/2024

BIL


PERKARA

SUMBER

5 K'JAAN BATAL PINDAAN KEWARGANEGARAAN BAYI TERBUANG


<https://www.malaysiakini.com/news/700341>

MALAYSIAKINI.COM



Video tular askar pukul isteri: Kertas siasatan masih di Bukit Aman - Polis

Oleh Meor Ridiwan Meor Ahmad - Mac 22, 2024 @ 10:44pm
bhnews@bh.com.my



Tangkap layar video tular anggota tentera memukul isterinya di sebuah flat di Sungai Udang. Video tular.

MELAKA: Polis Melaka mengesahkan menerima laporan dan sudah menahan seorang anggota tentera berpangkat Lans Koperal yang disyaki mengasari isterinya seperti dipaparkan dalam satu klip video tular, hari ini.

Kertas siasatan kes berkenaan kini berada di Bahagian Pendakwaan/Undang-Undang (D5) Bukit Aman.

Ketua Polis Melaka, Datuk Zainol Samah, berkata terdahulu pihaknya mengesan klip video berkenaan dimuat naik semula oleh pengguna media sosial pada hari ini di Instagram.

Katanya, siasatan polis mendapati kes itu berlaku 31 Disember tahun lalu kira-kira jam 9 malam di sebuah flat di Sungai Udang.

Katanya, kejadian berlaku selepas anggota tentera berusia 30 tahun itu dihubungi isterinya di Kem Terendak, Sungai Udang meminta dia membelikan makanan untuk anak lelaki mereka berusia tiga tahun.

"Sebaik suaminya tiba di rumah, timbul perselisihan faham apabila lelaki itu menuduh isterinya (pengadu) tidak sabar untuk bercerai dan diakui wanita itu termasuk akan mengambil tindakan berjumpa pihak atasan.

"Keadaan itu menyebabkan suaminya yang mahu berpisah berang dan menolak kepala, menarik baju dan menyepak paha isterinya," katanya menerusi kenyataan, malam ini.

Zainol berkata, susulan kejadian itu, suri rumah berusia 25 tahun itu membuat laporan polis kerana berasa tertekan selain haknya ditindas sepanjang mengalami masalah rumah tangga.

Katanya, polis menahan suspek pada 2 Januari lalu bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 18A Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 dan Seksyen 323 Kanun Keseksaan kerana dengan sengaja mendatangkan kecederaan.

"Dalam kes ini, pengadu turut membuat laporan tarik balik kes dan difahamkan video berkenaan ditularkan oleh rakan wanita ini," katanya.



1,069 kes penderaan kanak-kanak direkodkan



Azlan Zambry

Dikemaskini 7 jam yang lalu
- Diterbit 22 Mac 2024 3:54 PM MYT

KEMENTERIAN Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menerusi statistiknya sehingga November 2023 mencatatkan kira-kira 1,069 kes penderaan kanak-kanak yang disebabkan oleh kecuaiannya ibu bapa dan penjaga.

Menterinya, **Datuk Nancy Shukri** berkata terdapat beberapa punca lain, secara amnya, kes penderaan kanak-kanak boleh terjadi ketika kanak-kanak berada dalam jagaan ahli keluarga sendiri.

"Berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), terdapat juga kes yang berkaitan dengan perbalahan keluarga sebanyak 534 kes dan masalah kewangan sebanyak 427 kes," katanya.

Beliau berkata demikian menerusi jawapan lisan yang dikemukakan oleh Sabri Aziz (Jeraï-PN) yang bertanyakan mengenai isu penderaan kanak-kanak semakin serius, apakah langkah jangka pendek dan jangka panjang bagi mengenal pasti punca dan penyelesaiannya.

Katanya, KPWKM juga memandang serius akan kes penderaan ke atas kanak-kanak yang merupakan aset penting yang bakal mencorakkan masa hadapan negara bagi menangani isu penderaan kanak-kanak.

Menurut Nancy, bagi mengatasi isu ini, kementeriannya telah menyediakan beberapa langkah jangka pendek dan langkah jangka panjang.

"Antara langkah jangka pendek ialah melaksanakan Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: Kasih Kanak-Kanak, yang memberi pendedahan dan kesedaran kepada kanak-kanak, ibu bapa, guru dan komuniti supaya kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak dapat diatasi.

"Kementerian juga menyediakan perkhidmatan Talian Kasih 15999 yang memberi perkhidmatan 24 jam dan Whatsapp Talian Kasih 019-2615999 juga bertindak selaku khidmat sokongan melalui khidmat kaunseling, pertanyaan dan aduan yang dikendalikan.

"Meningkatkan Peranan Organisasi Dalam Komuniti dengan mengaktifkan Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak (PPKK), Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak (PKKK) dan Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) dan Majlis Perwakilan Kanak-Kanak (MPKK) sebagai agen penyampai maklumat yang lebih berkesan iaitu dari kanak-kanak kepada kanak-kanak," katanya.


Kata Nancy, antara langkah jangka panjang pula termasuklah meningkatkan jalinan kolaborasi yang aktif dan berkongsi maklumat bersama agensi lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan juga pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO);

"Kementerian juga menyediakan sumber dan sokongan holistik kepada mangsa dan memastikan pemeliharaan berasaskan keluarga adalah menjadi keutamaan.

"Menubuhkan Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak untuk memberikan perkhidmatan sokongan yang lebih komprehensif kepada kanak-kanak," katanya.

Nancy berkata KPWKM turut menyambut baik pelantikan Pesuruhjaya Kanak-Kanak dan akan bekerjasama rapat untuk memastikan hak kanak-kanak sentiasa dipelihara.

"KPWKM percaya bahawa ini adalah suatu permulaan ke arah yang lebih progresif bagi keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak di Malaysia," katanya. - WILAYAHKU



TAJUK :	ALWAYS BE ALERT OF WELL-BEING OF CHILDREN, PARENTS REMINDED		
HARI :	SABTU	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	23 MAC 2024	M/SURAT :	08
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Always be alert of well-being of children, parents reminded

MIRI: Datuk Rosey Yunus is reminding parents to always be alert of their children's well-being and to never leave them unattended in a car with the doors and windows fully shut and the engine running.

"We have heard of many cases when children have been left in cars, some of which did not end well. Cases like these should serve as a lesson to all parents," said the Deputy Minister for Women, Childhood and Community Development Sarawak when met by reporters at a break-of-fast ceremony on Thursday.

Her remarks referred to an incident here on Thursday, involving two young boys who fell asleep in a locked car with the engine running.

Concerned passers-by who saw this tried to wake the boys up by knocking on the windows and shaking the car.

Eventually, one of them woke up and opened the door. According to a witness, the boys' father had gone into a nearby post office and was not aware of the commotion.

The incident has since gone viral on Facebook.

"Even Dato Sri Fatimah Abdullah (Minister of Women, Childhood and Community Wellbeing Development Sarawak) and Datuk Seri Nancy Shukri (Federal Women, Family, and Community Development Minister) have been reminding parents to be more alert of matters involving the safety of children," added Rosey, reiterating the importance for parents to always keep watch over their children when bringing them for outings.



Datuk Rosey Yunus

"Most importantly, never leave children inside the car for too long, with the engine running.

"Even though it seems comfortable to leave our children in the car with the air-conditioning on, doing so is actually dangerous because no air is coming in or out of the environment – in other words, it's airtight. If left for too long, this is very dangerous.

"They (parents involved in the Miri incident) were lucky that the incident did not get to the extent where their children's health was compromised.

"However, what occurred was already dangerous, so we're happy that things did not end badly," she said further.


Rosey added that such situation was not only dangerous for the children, but also for adults.

"For adults, as long as they don't fall asleep, they can still get out of the vehicle or open the windows.

"However, it could also be fatal if the adults slept for extended periods of time.

"There were such cases reported before.

"Therefore, everyone should be cautious about this," she said, hoping that the latest incident would serve as 'a lesson and raise awareness for all'.



Jangan tinggalkan anak lama dalam kereta dengan enjin hidup, pintu dan tingkap tertutup: Rosey

© 2024-03-22T16:09:43+08:00



ROSEY

MIRI: Ibu bapa diingatkan supaya sentiasa berwaspada terhadap kesejahteraan anak-anak dan tidak membiarkan mereka ditinggalkan lama di dalam kereta dalam keadaan enjin dihidupkan dan pintu kereta serta tingkap tertutup sepenuhnya.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Datuk Rosey Yunus berkata, ibu bapa dinasihatkan agar perlu membawa sekali anak-anak mereka keluar daripada kereta dan tidak meninggalkan mereka terlalu lama di dalam kereta dengan enjin hidup.

"Kita telah mendengar banyak kes kanak-kanak ditinggalkan di dalam kereta dalam keadaan tersebut dan beberapa kejadian yang dilaporkan tidak berakhir dengan baik.

"Kes yang pernah berlaku sebelum ini wajar dijadikan pengajaran kepada semua ibu bapa untuk lebih berhati-hati," katanya kepada pemberita pada Majlis Juh Berambah Sungkei Bersama Petronas 2024 di sebuah hotel terkemuka di sini pada Khamis.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kejadian yang tular di Facebook pada Khamis membabitkan dua kanak-kanak lelaki yang tertidur di dalam kereta yang terkunci dengan keadaan enjin hidup di Miri.

Menerusi video tersebut, orang awam yang prihatin melihat kejadian itu cuba mengejutkan kanak-kanak lelaki terbabit dengan mengetuk tingkap dan menggoncangkan kereta.

Selepas beberapa ketika, salah seorang kanak-kanak lelaki itu telah terbangun dari tidur lalu membuka pintu kereta terbabit.

Menurut sumber, sebelum itu bapa kanak-kanak berkenaan telah pergi ke pejabat pos berhampiran dan tidak menyedari kekecohan yang berlaku.

Rosey menjelaskan Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Dato Sri Nancy Shukri telah berkali-kali mengingatkan ibu bapa supaya lebih berwaspada terhadap perkara yang melibatkan keselamatan anak-anak.

"Walaupun kita berasakan meninggalkan mereka dalam keadaan kereta yang berhawa dingin adalah selesa, tetapi ia sebenarnya berbahaya kerana persekitaran kedap udara tanpa udara masuk atau keluar sangat berbahaya jika dibiarkan terlalu lama.

"Mereka (ibu bapa dalam insiden yang berlaku di Miri) bernasib baik kerana tidak sampai sejauh itu kesihatan anak-anak mereka terjejas, tetapi apa yang berlaku itu sangat berbahaya dan kita bersyukur ia tidak berakhir dengan tragedi," ujarnya.

Tambahnya, keadaan sedemikian bukan sahaja berbahaya kepada kanak-kanak, tetapi juga untuk orang dewasa.

"Tetapi bagi orang dewasa, selagi kanak-kanak tidak tertidur, mereka sekurang-kurangnya boleh keluar dari kereta atau membuka tingkap. Tetapi jika mereka tertidur terlalu lama, ia juga boleh membawa maut dan sudah ada kes sebegini dilaporkan.

"Oleh itu, semua orang, ibu bapa dan orang dewasa harus lebih berhati-hati dengan situasi ini dan berharap kejadian sebegini tidak berulang lagi dan dijadikan pengajaran serta kesedaran kepada semua," harapan beliau.



TAJUK : MEMBAWA KECEERIAAN MENJELANG AIDILFITRI

HARI : SABTU

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 23 MAC 2024

M/SURAT : 08

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Membawa keceriaan menjelang Aidilfitri

357 penerima beragama Islam di Sarikei terima sumbangan menerusi Sejambak Kasih

Oleh Kepu Sidi

SARIKEI: Seramai 357 penerima bantuan bulanan kebajikan beragama Islam di Sarikei tersenarai sebagai penerima sumbangan Sejambak Kasih sempena Hari Raya Aidilfitri.

“Program ini juga akan diperluaskan ke sepuluh bahagian lain di negeri ini dan ia merupakan program yang kita anjurkan setiap kali musim perayaan utama di negeri ini.

“Sasaran utama program ini adalah golongan kurang

“Sasaran utama program ini adalah golongan kurang berkemampuan seperti warga emas, orang kelainan upaya (OKU) serta golongan yang tersenarai dalam penerima bantuan daripada pihak JKM Sarawak.”



HULURSUMBANGAN: Mohammad Razi menyampaikan sumbangan Sejambak Kasih kepada salah seorang penerima sambil disaksikan oleh tetamu kehormat yang lain.

Datuk Mohammad Razi Sitam

Timbalan Menteri Pembangunan Kesejahteraan Komuniti Sarawak

Timbalan Menteri Pembangunan Kesejahteraan Komuniti Sarawak Datuk Mohammad Razi Sitam berkata, program tersebut bertujuan memberi keceriaan dan kegembiraan kepada golongan sasar beragama Islam menjelang Syawal.

“Pada tahun ini, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Sarawak telah mengagihkan peruntukan berjumlah RM14,260 kepada golongan sasar beragama Islam di Sarikei yang bakal menyambut perayaan Hari Raya Aidilfitri.

berkemampuan seperti warga emas, orang kelainan upaya (OKU) serta golongan yang tersenarai dalam penerima bantuan daripada pihak JKM Sarawak,” ujarnya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Program Sejambak Kasih Hari Raya 2024 Bahagian Sarikei di Dewan Sri Nyelong di sini, semalam.

Menurut Mohammad Razi, program itu juga platform untuk mengeratkan

hubungan antara ketua kaum dan penduduk serta pihak Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian Sarikei.

Sehubungan itu katanya, ketua-ketua masyarakat hendaklah memainkan peranan yang amat penting sebagai penghubung kepada organisasi kerajaan.

“Program seperti ini juga akan memberi manfaat kepada rakyat dalam membantu meringankan beban mereka


dan jelaslah ini adalah antara usaha kerajaan yang memperjuangkan nasib rakyat tanpa mengira kaum.

“Untuk rekod, JKM Sarawak telah membelanjakan peruntukan negeri sebanyak RM38,917,100 untuk 11,121 kes penerima bantuan sepanjang tahun 2023, manakala peruntukan RM216,010,750 daripada sumber kerajaan persekutuan untuk 56,169 kes pada

tahun yang sama.

“Jumlah keseluruhan penerima bantuan dikendalikan oleh JKM Sarawak adalah 56,169 pada tahun 2023,” kata Mohammad Razi lagi.

Hadir sama Pengarah JKM Sarawak Adana Jed, Temenggung Awangku Ibrahim Awangku Hosain dan Pegawai Kebajikan Masyarakat Bahagian Sarikei Uwieng Gimos.



357 penerima bantuan bulanan kebajikan beragama Islam di Sarikei terima sumbangan Sejambak Kasih

© 2024-03-22T18:45:54+08:00



Mohammad Razi menyampaikan sumbangan Sejambak Kasih kepada salah seorang penerima sambil disaksikan oleh tetamu kehormat yang lain.

SARIKEI: Seramai 357 penerima bantuan bulanan kebajikan beragama Islam di Sarikei tersenarai sebagai penerima sumbangan Sejambak Kasih sempena Hari Raya Aidilfitri.

Timbalan Menteri Pembangunan Kesejahteraan Komuniti Sarawak Datuk Mohammad Razi Sitam berkata, program tersebut bertujuan memberi keceriaan dan kegembiraan kepada golongan sasaran beragama Islam menjelang Syawal.

"Pada tahun ini, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Sarawak telah mengagihkan peruntukan berjumlah RM14,260 kepada golongan sasaran beragama Islam di Sarikei yang bakal menyambut perayaan Hari Raya Aidilfitri.

"Program ini juga akan diperluaskan ke sepuluh bahagian lain di negeri ini dan ia merupakan program yang kita anjurkan setiap kali musim perayaan utama di negeri ini.

"Sasaran utama program ini adalah golongan kurang berkemampuan seperti warga emas, orang kelainan upaya (OKU) serta golongan yang tersenarai dalam penerima bantuan daripada pihak JKM Sarawak," ujarnya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Program Sejambak Kasih Hari Raya 2024 Bahagian Sarikei anjuran Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian Sarikei di Dewan Sri Nyelong di sini, hari ini.

Menurut Mohammad Razi, program itu juga platform untuk mengeratkan hubungan antara ketua kaum dan penduduk serta pihak Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian Sarikei.


Sehubungan itu katanya, ketua-ketua masyarakat hendaklah memainkan peranan yang amat penting sebagai penghubung kepada organisasi kerajaan.

"Program seperti ini juga akan memberi manfaat kepada rakyat dalam membantu meringankan beban mereka dan jelaslah ini adalah antara usaha kerajaan yang memperjuangkan nasib rakyat tanpa mengira kaum.

"Untuk rekod, JKM Sarawak telah membelanjakan peruntukan negeri sebanyak RM38,917,100 untuk 11,121 kes penerima bantuan sepanjang tahun 2023, manakala peruntukan RM216,010,750 daripada sumber kerajaan persekutuan untuk 56,169 kes pada tahun yang sama.

"Jumlah keseluruhan penerima bantuan dikendalikan oleh JKM Sarawak adalah 56,169 pada tahun 2023," kata Mohammad Razi lagi.

Hadir sama Pengarah JKM Sarawak Adana Jed, Temenggung Awangku Ibrahim Awangku Hosain dan Pegawai Kebajikan Masyarakat Bahagian Sarikei Uwieng Gimos.



TAJUK : KERAJAAN BATAL SYOR KDN BERI KEWARGANEGARAAN BAYI TERBUANG

HARI : SABTU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 23 MAC 2024

M/SURAT : 20

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Pindaan Perlembagaan hak kewarganegaraan

Kerajaan batal syor KDN beri kewarganegaraan bayi terbuang

Kabinet bagaimanapun setuju tujuh cadangan pindaan lain

Putrajaya: Kerajaan membatalkan cadangan Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk meminda Perlembagaan Persekutuan berkenaan hak memberi kewarganegaraan kepada bayi terbuang yang dijumpai, tetapi bersetuju dengan tujuh cadangan pindaan lain membabitkan isu kewarganegaraan.

Susulan itu, Perkara 19(b) dan 14(1)(e) kekal seperti sebelum cadangan itu diangkat KDN kepada Kabinet.

Menteri Dalam Negeri, Datuk

Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata perkara itu dipersetujui pada mesyuarat Kabinet yang dipengerusiat Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, semalam.

“Saya buat pembentangan kepada Jemaah Menteri. Semua cadangan pindaan ambil kira pendapat termasuk selepas Perdana Menteri buat perbincangan dengan ketua komponen parti Kerajaan Perpaduan dan ketua whip.

“Maka cadangan yang KDN bentang itu semua dipersetujui, melainkan Perkara 19(b) dan 14(1)(e). Itu kekal seperti sebelum cadangan diangkat oleh KDN.

“Semua cadangan pindaan dikemukakan itu mengambil kira pendapat semua pihak dan me-

lalui sesi libat urus kendalian KDN,” katanya pada sidang media di sini, semalam.

Seksyen 19B menyatakan kanak-kanak baru lahir yang dijumpai ditinggalkan tanpa perlindungan di mana-mana tempat perlu dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, lahir di tempat itu dan ibunya bermastautin secara tetap di tempat itu dan jika kanak-kanak itu dikira menurut kuasa seksyen ini lahir sedemikian, maka tarikh dia dijumpai perlu dikira sebagai tarikh lahirnya.

Jadual Kedua, Bahagian II Seksyen 1(e) pula memberikan kewarganegaraan secara kuatkuasa undang-undang kepada setiap individu tanpa kewarganegaraan yang dilahirkan

di Malaysia

Pindaan dicadangkan KDN sebelum ini bertujuan menukar perkara berkenaan daripada kewarganegaraan melalui kuasa undang-undang kepada kewarganegaraan melalui pendaftaran di bawah bidang kuasa menteri.

Ini bermakna kanak-kanak terbuang yang dijumpai mesti didaftarkan untuk memohon mendapatkan kewarganegaraan.

Adakan sesi libat urus

Saifuddin Nasution berkata, beliau sendiri akan mengadakan satu lagi sesi libat urus dengan kelab penyokong Ahli Parlimen pada Isnin ini untuk memberi penerangan lanjut mengenai cadangan KDN itu.

Beliau berharap, apabila cadangan KDN itu diluluskan di Parlimen, ia akan membolehkan proses permohonan kewarganegaraan dipercepat dan dilakukan dengan lebih jelas serta cermat.

“Apabila ia diluluskan dengan sokongan sekurang-kurangnya 148 Ahli Parlimen, maka pelaksanaan proses permohonan warganegara yang diterima harus dilakukan dengan peraturan, kaedah dan mekanisme yang lebih jelas, berhati-hati dan cermat,” katanya.

Sebelum ini, KDN mengenal pasti lapan perkara untuk dimasukkan sebagai cadangan dalam pindaan Perlembagaan Persekutuan membabitkan pemberian kewarganegaraan kepada anak yang lahir di luar negara oleh wanita Malaysia yang berkahwin dengan warga asing.

Saifuddin dilaporkan berkata, jawatankuasa khas kementerian yang ditubuhkan bagi meneliti perkara itu bersetuju menerima lapan perkara itu, namun tiada ketetapan dibuat setakat ini kerana ia perlu melalui proses lain pada pelbagai peringkat.

BERNAMA



Saifuddin Nasution



m BERITA

K'jaan batal pindaan kewarganegaraan bayi terbuang

B Nantha Kumar

Diterbitkan: Mar 22, 2024 4:38 PM · Dikemaskini: 5:32 PM

Kabinet hari ini bersetuju membatalkan syor Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk meminda Perlembagaan Persekutuan berkenaan hak memberikan kewarganegaraan kepada bayi terbuang yang dijumpai.

KDN sebelum ini mencadangkan pemansuhan Kementerian Dalam Negeri untuk memansuhkan Seksyen 19B Bahagian III Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 1(e) bahagian yang sama dalam jadual yang sama.

Menteri Dalam Negeri Saifuddin Nasution Ismail pada sidang media di Putrajaya berkata mesyuarat kabinet hari ini berbincang mengenai pembentangan pindaan Perlembagaan Persekutuan mengenai kewarganegaraan.

"Kabinet tadi bincang hari ini. Saya telah membuat pembentangan kepada jemaah menteri.



"Kesemua cadangan pindaan setelah kita mengambil kira pendapat semua pihak termasuk perdana menteri sendiri dengan membuat perbincangan dengan ketua-ketua komponen dan juga ketua-ketua whip Kerajaan Perpaduan.

"Cadangan yang dibentangkan KDN semuanya dipersetujui. Melainkan satu iaitu Seksyen 19B Perlembagaan Persekutuan dan dibaca bersama Seksyen 14 (1) akan dikekalkan, seperti mana sebelum cadangan diangkat oleh KDN," katanya kepada pemberita hari ini.


Seksyen 19B menyatakan: "Mana-mana kanak-kanak baru lahir yang dijumpai ditinggalkan tanpa perlindungan di mana-mana tempat hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, telah lahir di tempat itu dan ibunya bermastautin secara tetap di tempat itu; dan jika kanak-kanak itu dikira menurut kuasa seksyen ini telah lahir sedemikian, maka tarikh dia dijumpai hendaklah dikira sebagai tarikh lahirnya."

Jadual Kedua, Bahagian II Seksyen 1(e) pula memberikan kewarganegaraan secara kuatkuasa undang-undang kepada setiap individu tanpa kewarganegaraan yang dilahirkan di Malaysia

Pindaan yang dicadangkan sebelum ini bertujuan untuk menukar perkara berkenaan daripada kewarganegaraan melalui kuasa undang-undang kepada kewarganegaraan melalui pendaftaran di bawah bidang kuasa menteri.

Ini bermakna kanak-kanak terbuang yang dijumpai mesti didaftarkan untuk memohon mendapatkan kewarganegaraan.





TAJUK : KEPENTINGAN SEDIAKAN SOKONGAN SOSIAL KEPADA WANITA LEWAT KAHWIN

HARI : SABTU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 23 MAC 2024

M/SURAT : 13

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Kepentingan sediakan sokongan sosial kepada wanita lewat kahwin

Dayang Mariana Fatriah Fitri, Universiti Malaysia Sarawak

Satu ketika dahulu, ramai wanita berkahwin pada usia belasan tahun atau awal 20-an hinggakan apabila mereka masih bujang dalam usia 25 tahun dan ke atas akan dilihat sebagai keganjilan. Bagaimanapun hari ini, bukan sesuatu yang mustahil untuk menemui ramai wanita memilih menangguhkan perkahwinan.

Malah hari ini, trend wanita untuk berkahwin pada usia lebih lanjut adalah fenomena yang semakin lazim di seluruh dunia.

Kecenderungan itu didorong pelbagai faktor antaranya ekonomi, sosial dan budaya yang banyak mempengaruhi keadaan ini, sekali gus membawa implikasi signifikan terhadap dinamika perkahwinan, keluarga dan masyarakat secara keseluruhannya.

Antara faktor utama yang menyebabkan wanita memilih untuk menunda perkahwinan adalah per-

tumbuhan pesat ekonomi dan kesempatan kerja yang lebih baik. Wanita hari ini semakin terbabat dalam pasaran tenaga kerja, mendapat pendidikan yang lebih tinggi dan mencapai kemandirian ekonomi. Apabila hal demikian terjadi, mereka dilihat sering mengutamakan pembangunan kerjaya dan pencapaian profesional sebelum memilih untuk menetapkan komitmen perkahwinan.

Hal ini disokong pula oleh perubahan sosial dan budaya. Perubahan dalam norma sosial dan budaya juga memainkan peranan penting. Masyarakat semakin menerima gagasan mengenai kesamarataan gender dan kebebasan individu dalam memilih jalan hidup mereka sendiri. Wanita kini berasa lebih bebas untuk mengejar tujuan peribadi sebelum memikirkan mengenai perkahwinan dan tanggungjawab berkeluarga.

Bagaimanapun, di sebalik kebebasan ini, wanita sering kali menghadapi tekanan untuk mencapai

kesempurnaan dalam semua aspek kehidupan mereka, termasuk kerjaya, hubungan dan penampilan fizikal. Tekanan ini mempengaruhi ketidaktentuan dan penundaan dalam membuat keputusan yang besar seperti perkahwinan.

Pilih kebebasan, kemandirian ekonomi

Kecenderungan untuk memulakan perkahwinan pada usia lebih lanjut membawa implikasi yang kompleks. Di satu sisi, wanita yang menunda perkahwinan cenderung memiliki lebih banyak kebebasan dan kemandirian ekonomi yang dapat meningkatkan kualiti hidup mereka secara keseluruhan. Namun, di sisi lain terdapat cabaran seperti kesulitan untuk mencari pasangan hidup yang sesuai, penurunan kesuburan dan tekanan sosial daripada keluarga dan masyarakat.

Untuk menangani cabaran dan mengoptimumkan potensi manfaat daripada trend ini, pendekatan yang holistik diperlukan. Pendidikan mengenai kesihatan reproduktif, kesetaraan gender dan kebebasan memilih perlu dipromosikan secara meluas. Lebih-lebih lagi, penyediaan sokongan sosial dan perkhidmatan sensitif gender untuk wanita yang memilih untuk menunda perkahwinan adalah penting.

Apapun, kita seharusnya lebih terbuka dalam hal ini dan melihat trend kecenderungan wanita berkahwin pada usia lebih lanjut mencerminkan perubahan dinamika sosial, ekonomi dan budaya yang berlaku di seluruh dunia. Ketika tawaran peluang untuk wanita mengejar aspirasi mereka dengan lebih bebas sangat besar, ia juga menimbulkan cabaran tertentu yang perlu diatasi.

Hal ini perlu ditangani dengan pendekatan inklusif dan progresif supaya kita dapat memastikan bahawa setiap wanita dapat menjalani hidup bermakna dan memuaskan tanpa bergantung kepada peraturan sosial yang kaku.

